

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

KEDUDUKAN DAN PERANAN GEREJA

1.1 PENDAHULUAN

Institusi gereja memainkan peranan yang besar bagi masyarakat Kristian terutamanya di dalam menjalankan upacara-upacara keagamaan, peribadatan dan perayaan Kristian. Segala aktiviti disusun dan dilaksanakan oleh para paderi bermula daripada proses pembaptisan¹ yang merupakan syarat pertama kelulusan kehidupan secara Kristian² hingga kepada urusan-urusan kecil seperti menjalankan kegiatan amal dan seumpamanya. Selain menjadi tempat utama perhimpunan setiap pagi Ahad dan tempat ayat-ayat *The Bible* dibaca serta diperjelaskan, misi missionari Kristian turut berpusat di gereja.³ Di sini paderi-paderi ditempatkan untuk mengatur segala gerak kerja missionari. Selaras sebagai tempat peribadatan Kristian serta pusat missionari Kristian, gereja dianggap suatu tempat yang amat

¹ Upacara baptis bererti kelahiran semula dalam kehidupan sebenar sebagai seorang Kristian. F. J. Sheed, *Theology and Sanity*, cet.1, Sheed & Ward, London, 1947, hal. 202. Proses penyucian ini dilakukan dengan banyak cara, antaranya *immersion* atau merendam seluruh badan di dalam air, menyapu air suci ke kening, jirusan air di atas kepala dan lain-lain lagi. Kupasan lanjut, lihat Hamizan bt. Abdul Aziz, "Baptis dan Berkhatan: Satu Kajian Perbandingan", *Latihan Ilmiah* yang tidak diterbitkan, APIUM, 1999.

² *Catechism of the Catholic Church*, cet.2, Libreria Editrice Vaticana, Suva, 1995, hal. 355.

³ *Ibid.*, hal. 246-247.

suci, mulia dan merupakan tempat *the temple of the living God*.⁴ *The Bible* mengungkapkan :

*Go out into the whole world and preach my gospel to every creature.*⁵

Ayat di atas adalah titik tolak kepada gesaan dan suruhan Jesus Christ kepada pengikutnya yang setia atau *the twelve apostles* agar menyeru bangsa Yahudi kepada jalan kebenaran. Sehubungan itu, bermulalah era missionari yang akhirnya mewujudkan konsep gereja sebagai tempat utama penyebaran agama Kristian dan tempat perhimpunan paderi-paderi untuk bekerja kepada tuhan.

1.2 DEFINISI GEREJA

Perkataan gereja berasal daripada bahasa Greek iaitu “ τὸ κυριακόν “ yang bererti “suatu benda atau tempat yang berkait rapat dengan tuhan”.⁶ atau dikatakan juga “perhimpunan rasmi rakyat yang biasa dilakukan oleh orang-orang Yahudi untuk tujuan keagamaan”.⁷ Di dalam bahasa Inggeris, gereja disebut *church* dan bahasa German dipanggil *kirche*. Manakala di dalam bahasa Perancis ia dikenali

⁴ *Ibid.*, hal. 231.

⁵ *Acts 1:5*.

⁶ J. J. O’rourke, “*Church in the Bible*”, *New Catholic Encyclopedia*, John P. Whalen (ed.), jil.3, cet. 1, The Catholic University of America, Washington, 1967, hal 678.

⁷ Philip W. Goetz, *The New Encyclopaedia Britannica*, jil.3, cet.15, Encyclopaedia Britannica Inc., 1985, hal. 304.

dengan *église* dan bahasa Itali disebut *chiesa* yang diterjemah daripada bahasa Latin iaitu *ecclesia* yang juga berasal daripada perkataan Greek iaitu “ *ἐκκλησία* ” atau *ek-kalein*.⁸ Istilah ini lahir di zaman Romawi iaitu ketika seorang jeneral ingin membentuk pasukan tentera, maka ia mengutuskan para utusan ke kota-kota dan juga ke desa-desa untuk mengumpulkan orang kebanyakan atau rakyat jelata yang diwajibkan menjadi tentera.⁹ Berpunca dari sini, ia digunakan oleh paderi untuk memanggil orang ramai menyertai perhimpunan suci atau menjadi perajurit-perajurit tuhan.

Konsep gereja sama seperti *synagogue* Yahudi yang bertanggungjawab mengatur sistem pentadbiran di bawah penyeliaan paderi-paderi besar. Gereja-gereja Kristian dibina khas kepada :

... those who were in Christ, who were Christ's, and who were the body of Christ.¹⁰

yang berdasarkan empat ciri utama binaan iaitu :¹¹

⁸ Juga ditulis *qhālā*. Orang Kristian dan Yahudi mengambilnya daripada bahasa Greek. Tetapi selepas pemisahan bangsa Kristian dan Yahudi, maka “ *ἐκκλησία* ” digunakan oleh orang Kristian dan “ *συναγωγή* ” atau *synagogue* digunakan oleh bangsa Yahudi. Lihat Philip W. Goetz, *op.cit.* , jil.3, hal. 304.

⁹ H. Hilman Hadikusuma, (Prof.), *Antropologi Agama*, jil.2, cet.1, PT.Citra Aditya Bakti, Bandung, 1993, hal. 88.

¹⁰ Rujuk *1 Corinthians 10:16-17, 1 Corinthians 12:12* dan *Romans 12:4-8*. J. J. O'rouke, *op.cit.* , hal. 679.

¹¹ Francis J. Lally, *The Catholic Church in a Changing America*, cet.1, Little Brown & Com., Boston, 1962, hal. 85, Philip W.Goetz, *op.cit.*, jil.3, hal. 304 dan *Catechism of the Catholic Church, op.cit.* , hal. 234-242.

1. **One** : kesepaduan dan kesejagatan semua penganut dengan satu doktrin iaitu baptis yang menjadi prinsip asas penganutan seseorang individu di dalam Kristian serta sebagai tanda pengabdian kepada gereja.
2. **Holy** : tempat mulia dan suci disebabkan penganugerahan *The Holy Spirit* kepada semua penganut Kristian melalui upacara-upacara gereja.
3. **Catholic** : membawa maksud universal atau sejagat. Dinamakan sedemikian kerana Jesus Christ wujud di dalamnya dan segala ajarannya adalah untuk semua bangsa manusia. Ia juga merupakan gereja yang paling utama diikuti oleh komuniti Kristian.
4. **Apostolic** : dipelopori oleh pengikut setia Jesus iaitu St. Peter dalam meneruskan tatacara hidup, prinsip dan ajaran Jesus Christ di muka bumi

Seorang sarjana Barat, Karl Adam menyatakan :

*...And the organ and instrument of this Christian life will be that Church which He built upon St. Peter.*¹²

Selain bergelar *church*, berbagai-bagai gambaran diberikan untuk menjelaskan kedudukan dan keistimewaannya, antaranya ialah :¹³

- i- *God's plantation* atau ladang tuhan

¹² Walter J. Burghardt & William F. Lynch, *The Idea of Catholicism*, cet.1, Meridian Books Inc., Amerika, 1960, hal. 265.

¹³ *Ibid.* .

- ii- *God's sanctuary* atau tempat suci tuhan
- iii- *the pillar and mainstay of truth* atau tiang dan tali penyokong kebenaran
- iv- *a new creation* atau ciptaan terbaru
- v- *the spouse of Christ* atau pasangan Jesus Christ
- vi- *the kingdom of God's beloved Son* atau kerajaan anak Tuhan
- vii- *a cornerstone*¹⁴ atau batu asas
- viii- *a spiritual house* atau rumah rohani
- ix- *a chosen race* atau bangsa pilihan
- x- *a purchase people* atau tempat yang menarik manusia

Seorang cendekiawan bernama H. Daniel-Rops menyimpulkan gereja dengan ungkapan :

*... She is a spiritual society, foreshadowing the City of God; but she is obliged to maintain close contact with the City of the World, and that is no easy task.*¹⁵

Ia menerangkan bahawa gereja merupakan masyarakat rohani yang menjadi tanda kepada kerajaan Tuhan dan ia berfungsi untuk mengekalkan hubungan erat dengan kerajaan dunia dan ini bukanlah suatu kerja yang mudah.

¹⁴ J. J. O'rouke, *op.cit.*, hal. 683.

¹⁵ H. Daniel-Rops, *Cathedral And Crusade*, (terj.) John Warrington, cet 1, J. M. Dent & Sons Ltd., London, 1957, hal. 167.

Idea penubuhan gereja yang banyak tercatat di dalam *1 Corinthians* dan *Romans* adalah untuk membantu memajukan dan memperkembangkan gagasan *Christ in His Fullness* kepada masyarakat sehingga semua bersatu dalam satu keimanan kepada Jesus yang memperlengkapkan kematangan manusia.. Ia adalah satu jalan membentuk umat yang satu dan menjadi kumpulan *children of the one God and Father*.¹⁶ Oleh kerana ia merupakan suatu tempat suci yang dianjurkan oleh Jesus Christ kepada St. Peter, maka ahli-ahli gereja juga adalah bersih, suci dan hidup di dalam kekudusan serta boleh berkongsi kekuasaan Christ. Situasi ini diungkapkan sebagaimana berikut :

... *The members of the Church were to be imitators of God and were to grow up in all things in ... Christ.*¹⁷

Istilah gereja juga bererti “bersatu dan bergabung kehidupan dengan Tuhan Bapa, Anak dan *The Holy Spirit*” atau juga disebut “*communion*”. Ini terungkap di dalam tanda salib yang menjadi misteri gereja itu sendiri iaitu :¹⁸

- i) Tanda **menegak** ke atas bermakna bersatu dalam kasih sayang tuhan menerusi perutusan anakNya dan *The Holy Spirit* atau *sonship*.
- ii) Tanda **melintang** bermakna bersatu sesama manusia yang menghasilkan persaudaraan sejati atau *brotherhood*.

¹⁶ J. J. O’rourke, *op.cit.*, hal. 680.

¹⁷ *Ibid.* .

¹⁸ *Ibid.*, hal. 684.

Semuanya ini dibantu dan dikawalselia di bawah perintah paderi-paderi. Di dalam *The Bible, communion* memberi beberapa pengertian iaitu :¹⁹

i) *Wellspring of the Church* : gereja adalah perhimpunan tuhan, tubuh Christ dan tempat peribadatan *The Holy Spirit*. *The Bible* menukilkan :

*All the saints salute you. The grace of the Lord Jesus Christ and the love of God, and the communion of the Holy Ghost, be with you all. Amen.*²⁰

ii) *Visible Continuum of Christ's Mission* : Misi kelahiran dan pengorbanan Jesus adalah sebagai penyambung kasih sayang tuhan yang terputus sebagaimana ungkapan *The Bible* :

*So Christ was once offered to bear the sins of many.*²¹

iii) *Pledge of the Spirit* : mendapat bantuan *The Holy Spirit* demi menjamin kesucian ajaran Jesus sebagaimana yang berlaku ke atas Hagar yang melarikan diri daripada siksaan Sarai, isteri Abram.²² *The Bible* menceritakan:

*And the angel of the LORD found her by a fountain of water in the wilderness...*²³

¹⁹ *Ibid.*, hal. 684-686.

²⁰ *2 Corinthians 13:13-14*.

²¹ *Hebrew 9:28*.

²² Di dalam Islam Hagar dikenali dengan Hajar, Sarai ialah Sarah dan Abram ialah Nabi Ibrāhīm a. s.

²³ *Genesis 16:7*.

iv) *Having part with Christ* : bersatu dengan Jesus Christ dalam segenap aspek kehidupan. Ia bukan setakat beriman dengannya malah termasuk juga menyertai misi missionari, kesucian dan kekuasaannya. *The Bible* telah menegaskan :

*As ye have therefore received Christ Jesus the Lord, so walk ye in him: Rooted and built up in him, and stablished in the faith, as ye have been taught, abounding therein with thanksgiving.*²⁴

Seterusnya *The Bible* mengungkapkan pula:

*Which are a shadow of things to come; but the body is of Christ.*²⁵

v) *Multiple levels* : berkongsi dan merasai segala peristiwa yang dialami oleh Jesus Christ seperti kehidupan dan kematiannya, penderitaan disalib, penguburan dan sebagainya. *The Bible* menukilkan :

*Therefore we are buried with him by baptism into death: that like as Christ was raised up from the dead by the glory of the Father, even so we also should walk in newness of life.*²⁶

vi) *Role of Spirit* : tugas *The Holy Spirit* membawa manusia mengikuti kehidupan Christ dan berpegang kepada ajarannya. *The Bible* menegaskan :

²⁴ *Colossians 2:6-7.*

²⁵ *Colossians 2:17.*

²⁶ *Romans 6:4.*

He therefore that ministereth to you the Spirit, and worketh miracles among you, doeth he it by the works of the law, or by the hearing of faith ?²⁷

Selain itu, perkara yang tidak kurang penting untuk diketengahkan ialah penggunaan kata gereja di dalam *Gospel of Matthew*. Ia menyebutkan gereja dengan gelaran *kingdom of heaven* iaitu lebih kepada penggunaan perkataan Hebraic manakala *Gospel of Luke* dan *Mark*, dipanggil *kingdom of God* dan ini mengaitkan unsur-unsur bukan Yahudi kepada gereja.²⁸ Penggunaan yang berbeza ini adalah disebabkan perkataan 'heaven' dimengertikan sebagai sebuah tempat yang tidak boleh dimasuki oleh orang-orang bijak pandai dan sombong tetapi sangat terbuka kepada golongan *sinner*s yang telah bertaubat dan golongan *gentiles*²⁹ yang bersatu di bawah kepimpinan dan bimbingan Jesus Christ. Kalimah ini digunakan kerana pada ketika itu orang-orang Yahudi mula menolak ajaran-ajaran Jesus walaupun Jesus diutuskan untuk meneruskan ajaran-ajaran Moses di dalam Taurat. Manakala 'kingdom of God' digunakan untuk semua umat manusia. Ini jelas menunjukkan pengaruhnya yang luas dan tidak tertumpu kepada golongan Yahudi bahkan meliputi semua lapisan masyarakat selaras dengan ciri agama Kristian yang dianggap oleh masyarakatnya sebagai bersifat universal seiring saranan Jesus Christ di dalam *Matthew 28:19-20* agar pembantu-pembantunya

²⁷ *Galatians 3:5*.

²⁸ J. J. O'rourke, *op.cit.*, hal. 680.

²⁹ *Gentile* ialah orang Yahudi yang belum berkhitan atau *uncircumcison*. *Temuramah* penulis bersama Father James di Fatima Church di Brickfields, Kuala Lumpur pada 30 September 1998.

menyeru seluruh manusia agar bersatu dalam ajarannya menerusi ungkapan daripada *The Bible* iaitu :

*Go ye therefore, and teach all nations, baptizing them in the name of the Father, and of the Son, and of the Holy Ghost. Teaching them to observe all things whatsoever I have commanded you: and, O, I am with you always, even unto the end of the world. Amen.*³⁰

1.3 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN GEREJA

Pada permulaan sejarahnya, selepas Jesus Christ diangkat ke langit bersemayam di sebelah kanan Tuhan³¹, semua penganut Kristian berada di bawah penguasaan gereja Kristian yang satu iaitu jemaah yang diasaskan oleh St. Peter. Ini didasarkan kepada seruan Jesus Christ kepada St. Peter agar menjadi penggantinya untuk meneruskan misi missionari ke seluruh umat manusia. *The Bible* telah menukikkan hal ini iaitu:

*And I say also unto thee, That thou art Peter, and upon this rock I will build my church; and the gates of hell shall not prevail against it. And I will give unto thee the keys of the kingdom of heaven: and whatsoever thou shalt bind on earth shall be bound in heaven: and whatsoever thou shalt loose on earth shall be loosed in heaven.*³²

³⁰ *Matthew 28:19-20.*

³¹ *Mark 16:19.*

³² *Matthew 16:18-19.*

The Bible turut mencatatkan :

*Simon Peter said unto him, Lord, whither goest thou? Jesus answered him, Whither I go, thou canst not follow me now; but thou shalt follow me afterwards.*³³

Gereja yang dibina di akhir abad ke-2M. merupakan sahutan kepada kata-kata Jesus Christ seperti yang tercatat di dalam *Acts 1:5* agar manusia dapat dibaptiskan dengan nama Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan *The Holy Spirit*, seterusnya mendapat perlindungan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat kelak. Apa jua suruhan dan larangan gereja, ia akan dipatuhi dan dijadikan dasar kehidupan bagi semua penganut Kristian. Di waktu ini, gerakan missionari begitu hebat dijalankan oleh para pengikut Jesus yang setia terutama St. Peter dan St. Paul yang melakukan penyebaran Kristian kepada masyarakat bukan Yahudi atau *gentile*. Missionari ini terus berkembang dan akhirnya berpusat di Rome yang merupakan kota Kerajaan Romawi. Kerajaan Romawi³⁴ ini dikenali sebagai *The Holy Roman Empire* kerana penganut Kristian tertakluk kepada dua bentuk kekuasaan, pertamanya Kaisar atau *Civitas Terrena* dan kedua ialah *Pope* atau *Civitas Dei*.³⁵ Akibat pemerintahan yang amat luas, jajahan Romawi telah

³³ *John 13:36*.

³⁴ Kerajaan Romawi merupakan kerajaan dunia yang merangkumi berbagai bangsa di zaman tersebut. Ia dianggap sebagai satu-satunya kerajaan bagi bangsa-bangsa bertamadun di sebelah Barat. Akhirnya tempat ini menjadi pusat pengembangan kepada agama Kristian. H. O. K. Rahmat, *Dari Adam Sampai Muhammad*, cet.3, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1984, hal. 456.

³⁵ Ibrahim Che Noh, *Pertentangan Islam dan Kristian*, cet.1, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988, hal. 124.

dibahagikan kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian diperintah oleh seorang uskup atau *bishop*. *Bishop* ini berada di bawah kekuasaan *Patriach* atau *archbishop* yang diselia pula oleh *Pope* di Rome.³⁶ Maka dari situlah bermula penubuhan gereja Barat di Rome dan gereja Timur di Constantinople kerana menuntut hak kekuasaan bagi gereja masing-masing.

Pada tahun 1054M. berlaku perselisihan pendapat dan persaingan antara gereja Barat dan gereja Timur hingga kedua-dua gereja besar ini terpisah dan dikenali sebagai *The Catholic Church* di Barat dan *The Orthodox Church* di Timur.³⁷ Pemisahan gereja-gereja tersebut berkisar tentang soal kepercayaan iaitu gereja Timur menolak pendapat gereja Barat yang mengatakan *The Holy Spirit* adalah dari Tuhan Bapa dan Tuhan Anak. Ia diputuskan di dalam persidangan kelapan atau 'Persidangan Barat Latin' pada tahun 869M. yang hanya dihadiri oleh pembesar-pembesar gereja Barat. Ini menyebabkan pihak gereja Timur enggan mengiktiraf keputusan tersebut di samping turut menolak terhadap arahan mutlak gereja Barat bahawa semua penganut Kristian mesti tunduk kepada setiap keputusan dan upacara gereja yang diputuskan oleh pembesar gereja Rome. Selain itu, mereka juga menentang kemestian mengemukakan permintaan kepada gereja Barat jika seseorang individu Kristian itu ingin membicarakan soal-soal yang

³⁶ *Ibid.*, hal. 125.

³⁷ *Ibid.* dan juga Muhammad Abū Zuhrah, *Muḥāḍarāh fī al-Naṣrāniyyah*, cet. 4, al-Riāṣah al-`Ammah, 1404H, Riyad, hal. 197-199.

berhubung dengan ajaran Kristian³⁸ dan tidak mengiktiraf *Pope* yang berkuasa penuh di Vatican Rome. Bagi mereka setiap gereja harus mempunyai pemimpin mereka sendiri. Sehubungan itu, gereja Timur telah mengadakan persidangan yang dikenali dengan 'Persidangan Yunani' pada tahun 879M. dengan keputusan menolak semua keputusan persidangan pada 869M.³⁹ Oleh yang demikian pembubaran gereja Timur daripada terus bersekongkol dengan gereja Barat pun berlaku pada 1054M.

Menerusi kedudukan *Pope* yang berkuasa penuh di gereja Rome, ia menatijahkan banyak unsur-unsur kezaliman, penindasan, tekanan dan penyalahgunaan kuasa berlaku terhadap masyarakat. *Pope* dengan sewenang-wenangnya mengutip cukai dengan kadar yang tinggi. Kutipan ini akan dibahagikan kepada pembesar-pembesar gereja dan mereka menggunakan duit tersebut untuk memuaskan hawa nafsu dan bukannya dengan jalan yang benar dan baik. Mereka turut menjual surat pengampunan dosa⁴⁰, memaksa orang ramai memeluk agama Kristian melalui ugutan seksaan sampai mati kepada yang

³⁸ Seperti Giordano Bruno (1548-1600M.), seorang ahli sains dan juga ahli falsafah dengan pandangannya bahawa terdapat planet-planet lain selain bumi dan seorang ahli fizik yang bergelar 'Bapa Sains' berbangsa Itali iaitu Galileo Galilei (1564-1642M.) menulis pendapatnya bahawa bumi beredar mengelilingi matahari pada tahun 1613M. Kedua-duanya dituduh sebagai pembidaah kerana pendapat mereka berlawanan dengan pendapat gereja yang amat memusuhi ilmu moden. Kebiasaannya idea-idea yang sama dengan pandangan gereja sahaja yang diberi kebenaran. Sulaiman Nordin, (et. all), *Islam, al-Qur'an dan Ideologi Masa Kini*, DBP, Kuala Lumpur, 1995, hal. 167 dan Editor Ensiklopedia, *Ensiklopedia Malaysiana*, jil.5, Ahzagain Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1995, hal. 18-20.

³⁹ Ibrahim Che Noh, *op.cit.*, hal. 127-128.

⁴⁰ Asalnya surat pengampunan ini dikeluarkan kepada perajurit-perajurit yang tidak dapat menyertai peperangan suci iaitu Perang Salib antara pihak Kristian dan Islam. Akhirnya, disebabkan ia memberi

ingkar⁴¹, membuat peraturan baru sama ada dalam bidang ilmu dan agama, memaksa orang-orang Kristian menerima peraturan gereja tanpa boleh mempertikaikan kebenarannya⁴² dan menghukum golongan pembangkang⁴³ di kalangan orang agama dan orang awam dengan hukuman yang keras seperti hukuman bunuh dan dibakar hidup-hidup hanya semata-mata disebabkan pandangan yang berbeza dengan gereja serta lahirnya idea-idea baru yang bersifat moden. Kebiasaannya cetusan idea ini melibatkan pemikiran ilmu-ilmu sains moden, sejajar dengan peredaran zaman dan perkembangan ilmu manusia. Misalnya mengenai teori peredaran bumi dan matahari, bentuk bumi dan lain-lain. Justeru, ia bertentangan dengan kehendak dan pandangan para *Pope* yang menolak

pulangan yang lumayan, pihak gereja meneruskan penjualannya di samping mempengaruhi fikiran orang awam bagi mengekalkan tampuk kekuasaan gereja. *Ibid*, hal. 132.

⁴¹ *Ibid*, hal. 126.

⁴² Seperti ketetapan *Pope* sebagai seorang yang maksum, hanya gereja yang berhak menafsirkan *The Bible* bukan terbuka kepada individu dan lain-lain.

⁴³ Antaranya ialah Patriarch Arius (m-366M.) yang meyakini bahawa Allah itu Esa dan *Mary the Virgin* hanya melahirkan manusia biasa bukannya tuhan. B. J. Kidd, *A History of the Church to A. D 461*, jil. 2, The Clarendon Press, Oxford, 1922, hal. 37-40. Begitu juga Galileo Galilei (1564-1642M.) yang hidup di zaman *middle ages* dihukum bunuh oleh gereja kerana berpendapat bahawa bumi berputar mengelilingi matahari, sama seperti pandangan Nicolaus Copernicus atau Micolaj Copernic (1473- 1543M.), seorang ahli matematik, fizik dan astronomi yang bergelar 'Bapa Astronomi Moden' yang menentang teori Ptolemy bahawa "bumi adalah pusat alam semesta dan tidak bergerak". Copernicus mengemukakan teorinya di dalam buku '*The Revolution of the Celestial Orbs*' pada tahun 1534M. Ini berlawanan dengan pendapat gereja yang mengatakan sebaliknya. (Editor Ensiklopedia Malaysiana, *op.cit.*, jil.3, hal. 324) Begitu juga dengan John Huss atau Jan Hus (1369-1415M.) yang membawa gerakan reformasi yang menyambung perjuangan John Wycliffe pada kurun ke-14. Ajarannya dituduh sebagai *bid'ah* dan beliau dibakar hidup-hidup (Maulana Taqi Usmani, *What is Christianity?*, (terj.) Mahomed Shoaib Omar, The Muslim World League, Arab Saudi, 1962, hal. 33) serta Peter Abelard (1079-1142M.) seorang ahli falsafah Perancis yang dibakar akibat pendapatnya yang berbeza tentang penebusan Jesus Christ terhadap dosa Adam. (Ibrahim Che Noh, *op.cit.*, hal. 137) Selain itu, Giordano Bruno (1548-1600M.) turut menolak '*the conception of transubstantiation*' dan '*the conception of the immaculate of Mary*'. (Clarence L. Barnhart, (ed.), *New Century Cyclopedia of Names*, jil.1, Prentice-Hall, New Jersey, 1954, hal. 684) Dicatatkan seramai 340 ribu orang telah dihukum mati dan hampir 32 ribu orang dibakar hidup-hidup. (Sulaiman Nordin, *op.cit.*, hal. 167).

ilmu-ilmu moden dan lebih cenderung kepada pegangan yang bercorak konservatif.⁴⁴

Selain perkara-perkara tersebut, pihak gereja dan paderi juga telah memonopoli hak-hak memahami kitab-kitab suci Kristian dan melarang orang awam menafsirnya mengikut keilmuan mereka. Justeru, tiada sesiapa pun di kalangan penganut biasa yang berani mengkritik segala tafsiran, pendapat dan perintah gereja walaupun ia ternyata zalim dan jelas bertentangan dengan ajaran Kristian itu sendiri serta mereka dipaksa dan terpaksa mematuhi. ⁴⁵

Keadaan ini berlarutan hingga akhir zaman pertengahan. Berikutan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam institusi gereja dan peranan gereja yang banyak mengongkong pemikiran penganut Kristian, ia telah membuka ruang yang luas kepada golongan penentang gereja Rome untuk bangkit melakukan reformasi bersama-sama masyarakat. Usaha-usaha pembaharuan gereja ini diketuai oleh gerakan *Protestant Reformation* di era kurun ke-15M. dan 16M. Kumpulan ini sangat tidak berpuashati terhadap segala tindakan dan ketetapan yang dibuat oleh pihak gereja.⁴⁶ Menurut pandangan pemimpin Protestan seperti Martin Luther, setiap acara gereja mestilah dijalankan secara rasional⁴⁷ dan ia tidak dibuat secara

⁴⁴ Muhammad Abū Zuhrah, *op.cit.*, hal. 205.

⁴⁵ Ibrahim Che Noh, *op.cit.*, hal. 131.

⁴⁶ Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil.9, hal. 995.

⁴⁷ Zaman ini dikenali sebagai *The Age of Reason* iaitu sesuatu kebenaran hanya diterima melalui saintifik, eksperimen dan pengalaman.

membuta tuli semata-mata untuk menjaga kepentingan orang-orang tertentu.

Antara pendapat dan upacara yang ditentang oleh kumpulan Protestan ini ialah:

*He rebelled against the extraordinary power of the Pope, and apart from baptism and the Lord's supper, he regarded all other rituals as an innovation of the Roman Church.*⁴⁸

*This included indulgences (services or payment for official absolution of sin by the clergy, the sale of relics, purchases of masses for the dead, spiritual pilgrimages, and the earning of spiritual 'merit' by donating to the Church.*⁴⁹

Kebanyakan keputusan yang dibuat oleh pihak gereja Roman Katolik dilihat lebih kepada menindas golongan rakyat. Natijah kezaliman ini menyebabkan ramai yang keluar daripada jemaah gereja Roman Katolik dan mengikuti gerakan pembaharuan Martin Luther⁵⁰, Zwingli⁵¹ dan Calvin⁵². Seterusnya mereka menubuhkan jemaah Kristian Protestan pada tahun 1529M. dan bertitik tolak dari

⁴⁸ Maulana Taqi Usmani, *op.cit.*, hal. 33.

⁴⁹ Mary Pat Fisher & Robert Luyster, *Living Religions : An Encyclopedia of the World's Faiths*, cet.1, I. B. Tauris& Co. Ltd., London, 1990, hal. 246.

⁵⁰ Beliau adalah seorang paderi berbangsa Jerman yang dilahirkan pada 1483M. Beliau merupakan pensyarah di Universiti Wittenberg. Pada 1529M. gerakan Protestan ditubuhkan oleh beliau bersama rakan-rakannya. Aliran ini tersebar luas hingga ke Perancis, Itali, Jerman dan sebahagian besar negara-negara Eropah dan berjaya mempengaruhi raja-raja England seperti Henry VII dan Edward VI. Beliau amat dimusuhi oleh para paderi terutama selepas terhasilnya karya Luther yang bertajuk '*Doctrin of Christianity*'. Maulana Taqi Usmani, *op.cit.* , hal. 34.

⁵¹ Zwingli Ulrich atau Huldreich Zwingli (1484-1531M.) adalah pemimpin Protestan di Switzerland dan Ulrich. Beliau menolak upacara-upacara yang tidak dicatatkan di dalam *The Bible* seperti *adoration of relics and saints* dan *celibacy* bagi para paderi. Mary Pat Fisher & Robert Luyster, *op.cit.* , hal. 247. Beliau terbunuh di dalam peperangan Kappel. C. S. Nicholls (ed.), *The Hutchinson Encyclopedia of Biography*, cet.1, Helicon, Oxford, 1997, hal. 938 dan *Internet*, <http://s9.com/biography>, 25hb. November 2000.

⁵² Kurun ke-16, John Calvin atau Cauvin (1509-1564M.) muncul di Geneva bersama gerakan reformasinya. C. S. Nicholls (ed.), *ibid.* , hal. 148.

sini menimbulkan bibit-bibit pemecahan gereja-gereja Kristian dan ia berkembang mengikut aliran-aliran mazhab seperti Katolik, Ortodoks, Protestan, Anglikan, Anabaptis dan lain-lain lagi dengan dakwaan masing-masing adalah gereja yang paling benar atau sebahagian daripada gereja-gereja yang sah.⁵³

Gerakan di atas membentuk suatu zaman baru iaitu period peralihan dari zaman gelap kepada pembaharuan atau dikenali sebagai *The Renaissance Ages*. Ia benar-benar membawa perubahan sosial dan budaya masyarakat Eropah.

Inilah zaman di mana negara Eropah mendahului dalam kemajuan sains dan teknologi. Orang-orang Eropah yang sememangnya terpengaruh dengan unsur-unsur tahyul, seolah-olah kembali hidup semula. Penyerangan oleh golongan paderi dan gejala korupsi di dalam gereja mengakibatkan dendam kesumat yang amat mendalam di hati mereka terhadap agama...Sekali pintu (benci) ini terbuka, ia akan sentiasa terbuka...⁵⁴

Di era abad ke-19M., muncul gerakan membentaras fahaman rasionalis dan cuba mengembalikan keyakinan rakyat kepada fahaman agama dan doktrin-doktrin Katolik yang dikenali dengan nama "*Catholic Revival Movement*".⁵⁵ Mereka sangat membenci dan memerangi golongan yang terlalu taksud dengan akal dan rasional yang telah menjadikan dunia Barat ditenggelami dunia material. Gejala materialisme ini sedikit sebanyak berjaya menguburkan unsur-unsur kerohanian

⁵³ Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil.3, hal. 304 dan Muhammad Abū Zuhrah, *op.cit.*, hal. 199.

⁵⁴ Maulana Taqi Usmani, *op.cit.*, hal. 34

⁵⁵ *Ibid.*, hal. 34-35

daripada kehidupan manusia seperti menolak kewujudan tuhan dan sedikit sebanyak meminggirkan institusi gereja.⁵⁶

1.4 GEREJA DAN GOLONGAN PEMERINTAH

Gereja-gereja Kristian turut mengalami era jatuh banggunya dan ia banyak melibatkan pihak pemerintah atau raja-raja serta merubah suasana politik negara. Ada kalanya gereja amat berkuasa hingga menindas rakyat jelata dan mempergunakan raja-raja. Dalam situasi yang lain, kelompok gereja dibenci, ditindas dan diperangi.

Di awal perkembangan agama Kristian iaitu bermula daripada abad 1M., hubungan paderi dan pemerintah adalah baik. Mereka sama-sama berperanan dan bekerjasama di dalam mengembangkan ajaran Jesus. Ia berterusan sehingga zaman awal abad pertengahan atau *Middle Ages*. Bagi ketua negara, mereka tidak memutuskan hubungan kenegaraan daripada unsur-unsur keagamaan dan begitu juga sebaliknya.⁵⁷ Misalnya Raja Theodosius⁵⁸ pada tahun 380M., mengarahkan rakyatnya mengikuti ajaran Roman Katolik dan pada tahun 800M., *Pope St. Leo*

⁵⁶ *Ibid.*, hal. 35

⁵⁷ H. Daniel Rops, *op.cit.*, hal. 169.

⁵⁸ Nama sebenarnya ialah Flavius Theodosius (346-395M.) yang merupakan pemerintah Rome dan maharaja di Timur pada tahun 379M. – 395M. C. S. Nicholls (ed), *op.cit.*, hal. 842.

III⁵⁹ menganugerahkan mahkota kenegaraan kepada Charlemagne⁽⁶⁰⁾, sekaligus mengiktiraf pertabalannya sebagai ketua negara.⁶¹ Begitu juga yang berlaku ke atas Otto I the Saxon atau Otto the Great.⁶² Beliau menerima mahkota raja sebagai lambang pertabalan daripada *Pope*.⁶³ Ahli agama ini sentiasa menyokong golongan pemerintah yang memimpin Eropah dan menghasilkan beberapa kesan iaitu :⁶⁴

- i) masyarakat mampu membangunkan ketamadunan mereka.
- ii) golongan paderi atau *the spouse of Christ*⁶⁵ ini hidup selesa dan mesra di bawah pemerintah feudal.

Hubungan baik ini terbuka luas antara tahun 800M. hingga 1050M. yang membolehkan paderi-paderi memiliki beberapa kemudahan dan kemewahan⁶⁶. Ketika ini, raja-raja masih lagi menguasai gereja dan pentadbirannya, harta benda dan segala hak ke atas rakyat jelata sebelum cubaan pihak gereja menguasai pentadbiran negara. Paderi, secara tidak langsung, turut memasuki sistem feudal

⁵⁹ Seorang *Pope* berbangsa Itali (750-816M.) dan mula berjawatan *Pope* pada 795M. hingga 816M. *Ibid.*, hal. 511.

⁶⁰ Juga disebut Charles I, Charles the Great, Karl der Grosse, Carolus Magnus (742-814M.). Beliau adalah *conqueror* dan pemerintah Perancis, Raja Franks (768-814M.), Maharaja Rome yang pertama (800-814M.) dan merupakan anak kepada Pepin the Short. *Internet*, <http://s9.com/biography>, 25hb. November 2000.

⁶¹ H.Daniel-Rops, *op.cit.*, hal. 169.

⁶² Pemerintah dan Raja Jerman (936M.-973M.) serta Maharaja Rome (962M.-973M.) yang hidup antara tahun 912-973M. C. S. Nicholls (ed.), *op.cit.*, hal. 652.

⁶³ Perlantikan raja-raja harus mendapat keizinan para *Pope* Rome. H.Daniel-Rops, *op.cit.*, hal. 183-185.

⁶⁴ *Ibid.*, hal. 169.

⁶⁵ Digelar demikian kerana hubungan yang amat erat antara Jesus Christ dan paderi yang berperanan sebagai *the representative of Christ* bagi menyambung risalah Jesus selepas kematiannya, seumpama 'suami isteri' yang tidak boleh dipisahkan. "*The unity of Christ and the Church, head and members of one Body, also implies the distinction of the two within a personal relationship. This aspect is often expressed by the image of bridegroom and bride... He has joined her with himself in an everlasting covenant, and never stops caring for her as for his own body.*" Lihat *John 3:29* dan *Ephesus 5:29; Catechism of the Catholic Church, op.cit.*, hal. 230.

⁶⁶ Antaranya peluang menjadi *landlord*.

yang dicipta oleh pemerintah dan tidak menolaknya. Hal sedemikian sedikit sebanyak melalaikan mereka daripada tugas missionari dan peribadatan kepada tuhan. H. Daniel Rops berpendapat :

*Nor could the Church escape the rise of seignory and feudalism. By virtue of donations from the faithful, every bishop and every abbot became head of an enormous territorial domain. He was **ex officio** a rural landlord like other landlords, having his 'reserve' and tenants, exacting labour, and dispensing justice. Moreover, an unavoidable system of 'recommendations' involved him in that network of dependence and allegiance which was the feudal system.⁶⁷*

Seterusnya pada tahun 1050M. hingga 1500M. memperlihatkan zaman di mana golongan paderi dan gereja cuba memonopoli kuasa untuk memimpin negara, berikutan keistimewaan-keistimewaan yang dikecapi zaman sebelumnya seperti memiliki bangunan-bangunan besar, pejabat pentadbiran, memungut cukai dan menjadi tuan-tuan tanah. Ahli-ahli gereja bangun menuntut hak mereka untuk berkuasa penuh ke atas institusi gereja dengan menolak sebarang campurtangan raja-raja termasuk soal kehakiman dan pengadilan.⁶⁸ Ia digambarkan sebagaimana berikut :

... Cases of purely spiritual correction for mortal sin and libel, sentences of excommunication for assault upon clerk, punishments inflicted for neglect of church repairs or churchyards, claims of tithe withheld, oblations and mortuaries, were decided to belong to the ecclesiastical

⁶⁷ H. Daniel Rops, *op.cit.*, hal. 169.

⁶⁸ *Ibid.*, hal. 185.

*department, and were not to be interfered with by lay courts.*⁶⁹

Arus perubahan ini digerakkan oleh *Pope Leo IX*⁷⁰ yang dilantik oleh Raja England iaitu Henry III⁷¹ pada 1048M. Usaha-usahanya diteruskan oleh *Pope-pope* selepasnya dan mereka bergerak cergas. Kemudian muncul Gregory VII,⁷² seorang *Pope* yang dikagumi dunia Kristian. Beliau turut menuntut peranan dan hak yang luas mengendalikan gereja.⁷³ Idea-ideanya dianggap pemangkin gerakan paderi di zaman seterusnya.

Di abad ke-13M., keadaan gereja berubah seiring dengan suasana negara yang semakin baik. Paduan sistem pentadbiran gereja yang sangat cekap dan pelaksanaan undang-undang oleh kerajaan menyebabkan setiap daerah dapat diurus dengan baik oleh pihak gereja di samping membina gereja-gereja baru. Walau bagaimanapun, usaha ini dilihat sebagai menuju kepada suatu bentuk monopoli dan pengeksploitan gereja di kalangan paderi. Jika dahulu perlantikan paderi bertukar daripada monarki kepada kumpulan ahli gereja terpilih, tetapi kini ia dipegang oleh paderi-paderi yang menjadikan urusan tersebut sebagai suatu

⁶⁹ W.W.Capes, *The English Church*, Macmillan and Co., London, 1900, hal. 7.

⁷⁰ *Pope* berbangsa Perancis (1049M.-1054M.) *Internet*, <http://s9.com/biography>, 25hb. November 2000.

⁷¹ Hidup antara tahun 1017-1056M. merupakan pemerintah Romawi dan Raja German. Paula K. Byers (senior ed.), *The Encyclopedia of World Biography*, cet.2, jil.7, Gale, New York, 1998, hal. 290.

⁷² Nama sebenarnya ialah Hildebrand (1023-1085M.) iaitu seorang *Pope* berbangsa Itali (1073M.-1085M.). C. S. Nicholls, *op.cit.*, hal. 363.

⁷³ Termasuk bebas menghantar wakil-wakil gereja, memutuskan pemilihan paderi, mengadakan perhimpunan, mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak setia kepada gereja dan lain-lain lagi.

bentuk perniagaan yang memberi pulangan yang lumayan kepada mereka⁷⁴ dan juga sebagai pendapatan tambahan.

Pengaruh para paderi yang keterlaluan di zaman tersebut dengan pelbagai konflik dan penyelewengan kuasa akhirnya membuahkan gerakan pembaharuan di abad ke-15M. dan disusuli pula oleh ideologi-ideologi moden pada abad 19M. W. W. Capes mencatatkan :

*A startling catastrophe at the beginning of the period gave a shock to the whole religious world. It was with bewilderment and wonder that men heard that the great military Order or the Templars was charged with dark deeds of horror done in secret within their convent walls.*⁷⁵

Bukan setakat itu sahaja malah mereka menuntut dan menggubal hak-hak keistimewaan gereja yang menimbulkan krisis antara gereja dan raja-raja.⁷⁶ Mereka juga bertujuan menjadikan raja-raja umpama boneka kepada gereja yang boleh digerakkan ke mana sahaja yang diperintahkan. Bibit-bibit kemerosotan pengaruh paderi di kalangan rakyat dan raja timbul pada kurun ke 13M., ketika zaman pemerintahan *Pope Innocent IV*⁷⁷. Beliau menggunakan segala keistimewaan sebagai orang nombor satu gereja untuk kepentingan peribadi dan politik. Unsur-

M. D. Knowles, "*Church : History of Medieval*", *New Catholic Encyclopedia*, John P. Whalen (ed.), jil. 3, hal. 701.

⁷⁴ *Ibid.*, hal. 703.

⁷⁵ W. W. Capes, *op.cit.*, hal. 45.

⁷⁶ H. Daniel Rops, *op.cit.*, hal. 170.

⁷⁷ Nama sebenarnya ialah Sinibaldo de' Fieschi iaitu seorang *Pope* berbangsa Itali (1243M.-1254M.). *Internet*, <http://s9.com/biography>, 25hb. November 2000.

unsur hawa nafsu diutamakan seperti mementingkan diri sendiri, mengejar kekayaan dan nama manakala golongan penentang gereja seperti John Huss akan dihukum dengan seksaan yang kejam. Sikap suka menindas, tidak adil dan kejam tersebut dijadikan dasar oleh *Pope-pope* terkemudian. Inilah yang mendorong *Pope Boniface VIII* ⁷⁸ menentang hebat Raja Edward I ⁷⁹ dan Raja Perancis iaitu Raja Philip IV. ⁸⁰ Sikap suka memonopoli kuasa dan menindas ini menyebabkan para *Pope* dimusuhi rakyat. ⁸¹ W. W. Capes menceritakan situasi tersebut:

They had been heavily taxed by the pope, they urged, and in the hard times of agricultural distress from which they suffered there would be nothing left to be given to the poor. On all sides there were complaints of the exactions of the papal court. Letters signed with the king's name dwelton the "horrible abuses of the Camera". Parliament refused to confirm the grants made to the pope's relations. ⁸²

Selepas itu, suasana gereja sering berubah-ubah. Misalnya pada tahun 1740M.-1786M. ketika di bawah pemerintahan *Frederick the Great*, beliau menolak agama Kristian dan raja adalah berkuasa penuh ke atas setiap acara

⁷⁸ Namanya ialah Benedetto Gaetani (1235-1303M.), merupakan *Pope* berbangsa Itali (1295M.-1303M.). C. S. Nicholls, *op.cit.*, hal. 109.

⁷⁹ Merupakan anak Henry III yang menjadi Raja Scotland pada 1291M.-1292M. Juga menjawat jawatan sebagai Raja England pada 1272M.-1307M yang hidup antara tahun 1239-1307M. *Ibid.*, hal. 267.

⁸⁰ Anak Philip III yang dikenali sebagai *Philip the Fair* (1268-1314M.). Menjadi Raja Perancis (1285M.-1305M.). *Ibid.*, hal. 676.

⁸¹ Maulana Taqi Usmani, *op.cit.*, hal. 32-33.

⁸² W.W.Capes, *op.cit.*, hal. 54.

keagamaan rakyat.⁸³ Oleh yang demikian, pihak gereja tidak memiliki sebarang kuasa keagamaan dan hak terhadap rakyat juga terbatas. Begitu juga dengan *Pope*. Beliau bukan lagi individu yang berkuasa penuh dalam menetapkan sebarang keputusan dan dasar Kristian.⁸⁴ Sebaliknya pada pertengahan kurun ke 17M., Raja Louis XIV menganggap kumpulan gereja amat berperanan dalam mengekalkan kekuasaannya.⁸⁵ Oleh itu, pihak gereja berperanan luas dalam pemerintahan.

Kesimpulannya, antara golongan pemerintah dan pihak gereja sering berseteru dan tidak bersekolong dalam sesebuah pemerintahan. Setiap pihak sentiasa merasa ragu-ragu dan menyangka pihak yang satu lagi akan memonopoli kekuasaan dan seterusnya membolot kekayaan negara tersebut. Namun faktor terbesar yang menimbulkan gerakan Martin Luther adalah disebabkan kekejaman gereja menindas rakyat demi kepentingan pembesar-pembesarnya.

1.5 ST. PETER : PELOPOR INSTITUSI GEREJA

Bagi penganut Kristian bermazhab Katolik, mereka mempercayai bahawa St. Peter adalah pencetus kepada penubuhan institusi gereja. Beliau juga diyakini sebagai seorang rasul Kristian yang pertama dilantik oleh Jesus Christ. Ini

⁸³ Gerald R. Cragg, *The Church & the Age of Reason*, cet. 1, Penguin Books, England, 1974, hal. 96.

⁸⁴ *Ibid.*, hal. 23.

⁸⁵ *Ibid.*, hal. 22.

disebabkan St. Peter merupakan pengikut setia Jesus Christ dan dianggap ketua kepada *the twelve disciples*. Sokongan lain kepada keyakinan ini ialah St. Peter adalah pengikut pertama yang disenaraikan⁸⁶ dan dicatatkan secara jelas di dalam *The Bible* dengan tulisan *Simōn*.⁸⁷

Nama sebenar St. Peter ialah Simon Bar Jona.⁸⁸ Simon atau *Simōn* adalah nama di dalam bahasa Greek – “ $\Sigma\iota\mu\omega\nu$ “ yang disebut sebanyak lima puluh kali⁸⁹ di dalam *The Bible*.⁹⁰ Buku *The New Encyclopedia Britannica* mencatatkan bahawa perkataan Simon terdapat sebanyak empat puluh sembilan kali dan *Simeon* terdapat sebanyak dua kali sahaja.⁹¹ Seperti pengikut Jesus yang lain, St. Peter turut menggunakan dua jenis nama lain iaitu satu nama Yahudi atau Hebrew iaitu “*Simeon*” dan satu nama Greek iaitu “Simon”. Melalui salah satu daripada nama-nama tersebut menjadikan St. Peter lebih dikenali ramai.⁹²

Peter atau “ $\pi\epsilon\tau\rho\varsigma$ “ adalah nama yang diberikan oleh Jesus Christ kepada Simon selepas Simon mendengar seruan Jesus di Sungai Jordon bersama Andrew dan John yang juga tergolong di dalam kelompok *the twelve disciples*. Peter adalah

⁸⁶ J. J. Castelot, “*Peter, Apostle, St.*”, *New Catholic Encyclopedia*, John P. Whalen (ed.), jil. 9, cet. 1, The Catholic University of America, Washington, 1967, hal. 202 dan Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil. 9, hal. 331.

⁸⁷ Lihat *Matthew 10:2, Mark 3:16, Luke 6:14 dan Acts 1:13*.

⁸⁸ *Acts 15:14, 2 Pt 1:1*.

⁸⁹ Ada yang mengatakan ia terdapat sebanyak 71 kali. *Internet, http://Bible.crowwalk.com*.

⁹⁰ Lihat *Matthew 10:2, 16:16, 16:17, Mark 1:36, John 6:68, 21:17*.

⁹¹ Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil. 9, hal. 330.

⁹² J. J. Castelot, *op.cit.*, hal. 201.

suatu nama di dalam bahasa Aramik – “*keṗā*’ ” yang bermakna batu.⁹³ Perkataan ini diterjemah kepada bahasa Greek menjadi *Cēphas* atau *Knoas* dan kepada bahasa Latin menjadi *Petra*⁹⁴ yang disebut di dalam New Testament sebanyak sembilan kali.⁹⁵ Dikatakan St. Paul menyebut nama Peter sekali di dalam *Galatians* 2:7. Selain nama Simon, nama Peter dicatatkan berulang kali iaitu lebih seratus lima puluh enam kali di dalam *Gospels* dan *Acts*. Penggunaan “Simon Peter” juga tercatat dan terdapat sebanyak dua puluh kali di dalam *Gospel of John*.⁹⁶

St. Peter atau Simon adalah anak kepada Jona seorang nelayan. Sebelum tergerak mengikut seruan Jesus Christ, St. Peter dan adiknya Andrew turut bekerja sebagai nelayan bersama pasangan adik-beradik James dan John, anak-anak Zabedee. Mereka menetap di Bethsaida di dalam wilayah Galilee. Ketika Jesus memulakan penyebaran ajarannya, Simon telah berkahwin dan menetap di Carphanaum bersama isteri dan ibu mertuanya. Namun, tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci mengenai isteri dan anak-anaknya.⁹⁷ St. Peter adalah individu yang tahu tentang undang-undang Moses namun tidak mengamalkannya. Beliau dikatakan menjadi orang yang bersungguh-sungguh dengan Taurat dan Injil selepas menjadi pengikut Jesus.⁹⁸

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil.9, hal. 330.

⁹⁵ Satu di dalam *Gospel of John* dan lapan di dalam *Letters of Paul*.

⁹⁶ J. J. Castelot, *op.cit.*, hal. 201.

⁹⁷ *Ibid.*, hal. 201.

⁹⁸ Philip W. Goetz, *op.cit.*, jil.9, hal. 331.

Selepas tertarik kepada seruan Jesus Christ, kepimpinan St. Peter mula terserlah. Beliau sering menjadi jurucakap bagi pihak *the twelve disciples* dan banyak terlibat di dalam siri-siri dakwah Jesus Christ. St. Peter merupakan orang pertama yang mengakui Jesus sebagai *Messiah*⁹⁹ atau penyelamat berdasarkan kelebihan-kelebihannya seperti menyembuhkan orang berpenyakit seperti lumpuh dan dirasuk roh jahat.¹⁰⁰ *The Bible* menukilkan bahawa St. Peter juga mengakui Jesus sebagai anak tuhan iaitu :¹⁰¹

He saith unto them, But whom say ye that I am? And Simon Peter answered and said, Thou art the Christ, the Son of the living God.

Menerusi pengiktirafan St. Peter seperti di atas, Jesus dikatakan secara tidak langsung telah membina kumpulan rasul atau mubaligh Kristian yang ‘terpelihara’¹⁰² untuk terus menyebarkan ajarannya seperti yang dinyatakan di dalam *The Bible* :

And I say also unto thee, That thou art Peter, and upon this rock I will build my church; and the gates of hell shall not prevail against it. And I will give unto thee the keys of the kingdom of heaven: and whatsoever thou shalt bind on earth

⁹⁹ Juga disebut sebagai *Christ* yang bererti *the anointed one*. Ahmad Thomson, *Blood on the Cross*, TaHa Publishing Ltd., London, 1989, hal. 16, Walter Farquhar, *A Church Dictionary*, John Murray, London, 1852, hal. 406 dan Caroline Large, *The Three Great Semitic Religions*, Times Books International, Singapore, 1981, hal. 19.

¹⁰⁰ *Acts 3:7* dan *5:15-16*.

¹⁰¹ *Matthew 16:15-16*. Rujuk juga *Mark 8:29* dan *Luke 9:20*.

¹⁰² Terpelihara daripada sebarang dosa dan kesalahan kerana mendapat pengawasan *The Holy Spirit*. Lihat juga *Matthews 13:41*, *Luke 22:29-30* dan *Luke 23:42*.

*shall be bound in heaven: and whatsoever thou shalt loose on earth shall be loosed in heaven.*¹⁰³

Kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh St. Peter menyebabkan beliau telah dianggap sebagai individu yang sering ke hadapan dalam apa jua situasi dan menjadi penolong kepada Jesus Christ. Antara kelebihanannya ialah berjalan di atas air¹⁰⁴, sering berbincang bersama Jesus Christ¹⁰⁵, bersama-sama menyelesaikan masalah seperti mengenai pembayaran tempat ibadah, perahunya dipilih oleh Jesus untuk digunakan bagi tujuan mengajar ajaran tuhan di kawasan pantai¹⁰⁶, Jesus menetap di rumahnya ketika datang berdakwah di Capharnaum¹⁰⁷ dan beliau bersama Jesus mencari ikan yang mempunyai duit di mulutnya¹⁰⁸. Bukan itu sahaja, bahkan kelebihan ini menaikkan taraf St. Peter sebagai pengikut Jesus yang amat disegani dan ulung. Ketaatan, pengorbanan, kasih sayang¹⁰⁹ dan disertai dengan pengisytiharan keimanan secara terang-terangan¹¹⁰ yang diberikannya kepada Jesus menjadikan St. Peter manusia harapan dan sandaran utama Jesus Christ bagi meneruskan kesinambungan ajaran tuhan di muka bumi.

¹⁰³ *Matthew 16:18-19.*

¹⁰⁴ *Matthew 14:28.*

¹⁰⁵ Juga disebut sebagai *interlocutor* - *Mark 1:17, Matthew 15:15*. Ia jelas kelihatan dalam masalah 'siapakah Jesus' - *Matthew 16:16, Luke 9:20* dan persoalan 'balasan orang-orang yang percaya pada Jesus' - *Matthew 19:27, Mark 10:28.*

¹⁰⁶ *Luke 5:3.*

¹⁰⁷ *Mark 1:29.*

¹⁰⁸ *Matthew 17:23-26.*

¹⁰⁹ *John 6:68-69, 18:10 dan 21:15-17.*

¹¹⁰ *Matthew 16:16. "And Simon St. Peter answered and said, Thou art the Christ, the son of the living god."*

Sumbangan St. Peter begitu besar kepada agama Kristian. Antaranya ialah St.

Peter :

- i) Membenarkan golongan *gentile* atau bukan Yahudi memasuki komuniti Kristian.¹¹¹
- ii) Melonggarkan syarat berkhatan.¹¹²
- iii) Memilih Matthew sebagai salah seorang *the twelve disciples* bagi menggantikan tempat Judas Iscariot, si pembelot.¹¹³
- iv) Membela para *apostle* yang ditangkap oleh pemerintah Romawi.¹¹⁴
- v) Menyampaikan ajaran Jesus dengan tekun dan bersungguh-sungguh walaupun mendapat ancaman daripada penguasa Romawi.¹¹⁵
- vi) Merupakan orang pertama yang berceramah di Pentecost ketika gereja mula-mula dibina.¹¹⁶
- vii) Mengembangkan institusi gereja dan melawat gereja-gereja demi memastikan ajaran Jesus sampai dengan tepat dan berkesan seperti ke gereja Samaria, Galilee, Lydda, Sharon dan Joppa.¹¹⁷
- viii) Menjadi hakim kepada golongan yang ingkar kepada gereja.¹¹⁸

¹¹¹ Rujuk *Acts 11:18*.

¹¹² Berkhatan atau *circumcision* merupakan syariat Nabi Ibrāhīm as. iaitu tuntutan yang dikenakan kepada bangsa Yahudi demi menyahut seruan Allah swt. Ia kemudiannya diteruskan oleh Nabi Mūsā a.s. Rujuk *Acts 15:7*.

¹¹³ *Acts 1:15-26*. Philip W. Goetz, *op.cit.* , jil.9, hal. 331.

¹¹⁴ *Ibid.* . *Acts 4:5-22*.

¹¹⁵ *Acts 5:40-42*.

¹¹⁶ Philip W. Goetz, *op.cit.* , jil.9, hal. 331. *Acts 1:14-39*.

¹¹⁷ *Ibid.* , hal. 331-332..

¹¹⁸ *Ibid.* . *Acts 5:1-10*.

Jasa beliau amat dihargai oleh kaum Kristian terutama St. Paul yang selanjutnya mengiktiraf St. Peter sebagai seorang rasul yang tertinggi dan merupakan tonggak utama gereja.¹¹⁹ Pengikut-pengikut setia yang lain turut tunduk di bawah kepimpinannya malahan menganggapnya sebagai ketua bagi masyarakat Yahudi selepas kematian Jesus Christ.¹²⁰ Namun begitu, penglibatan St. Peter dikatakan lebih menonjol 15 tahun selepas Jesus diangkat naik ke syurga atau disebut *resurrection*.¹²¹

Di akhir penghidupannya, St. Peter menetap di Rome dan meninggal di sana serta mayatnya dikatakan ditanam di mana gereja St. Peter dibina.¹²² Kemudian beliau terkenal sebagai seorang wali atau *martyred*.¹²³ Namun ahli sejarah tidak dapat menyatakan tempoh masa tersebut dengan jelas kerana ketiadaan catatan terperinci mengenainya.¹²⁴

¹¹⁹ Walter J. Burghardt, *op.cit.* , hal. 257.

¹²⁰ *Ibid.* . Juga J. J. Castelot, *op.cit.* , hal. 203.

¹²¹ Philip W. Goetz, *op.cit.* , jil.9, hal. 331.

¹²² David Hugh Framer, *The Oxford Dictionary of Saints*, cet.3, Oxford Uni. Press, New York, t.t. , hal. 389.

¹²³ *Corinthians 5:4 dan 6:1.*

¹²⁴ Philip W. Goetz, *op.cit.* , jil.9, hal. 332.

1.6 PENUTUP

Secara keseluruhannya, gereja amat berperanan dalam mengembangkan ajaran dan misi Kristian ke merata dunia. Usaha gereja ini tidak akan berjaya tanpa panduan dan seliaan ahli-ahli agama yang termaktub sebagai wakil tuhan di dunia dan pembantu utama Jesus Christ yang lahir dari seorang pengikut setianya iaitu St. Peter sebagaimana yang dipercayai oleh masyarakat Kristian. Sejarah perkembangan gereja perlu diketahui bagi membantu kefahaman dan penilaian kedudukan paderi-paderi sejak di awal zaman perkembangan ajaran Kristian.